
**FAKTOR, KESAN DAN STRATEGI MENANGANI
PERMASALAHAN KURANG TUMPUAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH DI DALAM KELAS: SUATU
KAJIAN KUALITATIF**

Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip

Fauziah Binti Mohd Sa'ad

Norhidayah Binti Jaapar

Khairiyah Binti Mohd Ali

Najwa Hananie Binti Athdzar

Wan Norhasniah Binti Wan Abd Rashid

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,
Perak, MALAYSIA

email: aziz.shah@fppm.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor, kesan dan strategi menangani pelajar cenderung hilang tumpuan dalam kelas terutama dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar sekolah menengah dengan menemuramah seramai 12 orang pelajar secara lisan berkenaan faktor yang menyebabkan mereka hilang tumpuan dalam kelas, kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan strategi menangani masalah hilang tumpuan dalam kelas. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa faktor sikap pelajar, bahan bantu mengajar, kurikulum, gaya pengajaran guru, rakan sebaya dan persekitaran mempengaruhi pelajar untuk hilang tumpuan dalam kelas sewaktu P&P dijalankan. Diharapkan dengan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian, kesan dan strategi menangani yang sesuai dapat dikenal pasti untuk mengurangkan pelajar hilang tumpuan

dalam kelas di samping dapat meningkatkan keberkesanan proses P&P. Selain itu, diharapkan dapat dijadikan sebagai satu panduan untuk kajian dan seterusnya pada masa akan datang.

Kata Kunci: Faktor, Kesan, Strategi, Hilang tumpuan, Pengajaran dan Pembelajaran

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat mementingkan pendidikan dalam kalangan rakyatnya. Hal ini kerana generasi muda adalah penyambung generasi pada masa hadapan. Seperti yang telah terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) itu sendiri yang amat menekankan sistem pendidikan yang sempurna terhadap pelajar-pelajar masa kini. Salah satu pernyataan tersebut adalah berkaitan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Pernyataan ini sedikit sebanyak telah menggambarkan bahawa Malaysia amat mementingkan pendidikan menyeluruh. Hal ini bermaksud, pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik sahaja tetapi juga mampu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah.

Pendidikan merupakan salah satu komponen yang menjadi perhatian utama semua pihak bagi melahirkan generasi muda yang berilmu dan cemerlang dalam semua aspek yang diceburi oleh mereka. Kepelbagaian kaedah penyampaian pengajaran merupakan komponen yang penting untuk memotivasikan minat dan penglibatan terhadap pelajarinya. Hal ini kerana kepelbagaian teknik P&P yang baik boleh membantu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar.

Guru-guru merupakan orang yang berperanan penting dalam memastikan corak penyampaian sesuatu mata pelajaran itu berkesan atau sebaliknya.

Namun begitu, pada masa kini didapati ramai pelajar semakin kurang tumpuan dan minat dalam mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dijalankan oleh guru di dalam kelas. Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh James (1890) yang menyatakan tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa. Penumpuan juga mempunyai sifat terpilih kerana manusia boleh memilih sesuatu tumpuan pada satu masa dan penumpuan juga sangat berkait rapat dengan konsep kesedaran yang merupakan satu situasi dalam apa-apa jua masa. Penumpuan juga boleh dijelaskan sebagai perhatian yang memberikan tumpuan terhadap mental dengan membiarkan ransangan lain mengganggu. Dengan pengertian lain, aktiviti mental yang ada kaitan dengan pengkategorian, pembentukan konsep, penyelesaian masalah dan membuat keputusan juga adalah sebahagian dari penumpuan.

Secara keseluruhannya, memberi tumpuan di dalam kelas boleh dijelaskan sebagai aktiviti mental yang memerlukan pelajar memberi perhatian semasa guru menyampaikan sesi pengajaran. Definisi yang telah dikemukakan oleh James juga telah menyatakan bahawa kurang tumpuan semasa guru mengajar ini termasuklah melakukan aktiviti lain seperti membuat kerja sekolah yang tidak disiapkan, berbual bersama rakan dan sebagainya. Menurut Reinhartz dan Beach, 1998; Wiles dan Bondi, (1998) menyatakan bahawa penumpuan di dalam kelas amat penting kerana sekiranya pelajar memberi tumpuan semasa aktiviti P&P, maka seseorang pelajar itu dapat meningkatkan kecerdasan minda pelajar agar pelajar dapat menyesuaikan

diri, mencapai kejayaan dalam kehidupan serta bersedia untuk berada dalam masyarakat masa hadapan yang kian mencabar pada masa kini.

SOROTAN KONSEPTUAL DAN TEORITIKAL

Dalam kajian yang dijalankan oleh Rohani Arbaa. et al (2010) telah menyatakan bahawa pembangunan pendidikan berkualiti serta bertaraf dunia merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Berdasarkan agenda penting ini, guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan dari segi pengajaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan serta memastikan pelajar sekolah memperoleh hasil-hasil pembelajaran yang maksimum. Oleh itu, para guru perlu lebih kreatif serta inovatif dalam memastikan sistem penyampaian menjadi efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Abd. Karim (1994) menyatakan bahawa setiap guru memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar untuk belajar dengan cara mempelbagaikan kaedah pengajaran. Apabila murid-murid tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran tertentu, guru tidak pula berusaha untuk menarik minat mereka. Menurut Rohana Zubir (1981) dalam kajian yang dijalankan olehnya mendapati mata pelajaran Sejarah merupakan satu kaedah yang paling sukar diajar dengan berkesan. Tambah beliau lagi, faktor luaran seperti kepesatan kurikulum dan keperluan peperiksaan, kekurangan bahan pengajaran dan sumber-sumber lain, keadaan persekitaran luar bilik darjah dan sekolah serta masalah disiplin murid-murid dijadikan sebagai penghalang kepada pengajaran mata

pelajaran Sejarah yang berkesan. Faktor yang dianggap penghalang oleh beliau ialah faktor dalaman iaitu kurang minat dan motivasi dalam kalangan pelajar terhadap subjek Sejarah.

Menurut Salleh (2003) dan Haittie (2003) dalam Rohani Arbaa. et al (2010) telah menyatakan bahawa faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Rohani Arbaa et.al dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa adanya hubungan positif yang sederhana di antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen pelajar. Hubungan guru dan pelajar dikenal pasti sebagai ciri kualiti guru-guru yang menjadi peramal terbaik untuk meningkatkan komitmen belajar pelajar. Secara relatifnya, pelajar perempuan lebih menunjukkan komitmen belajar yang tinggi daripada pelajar lelaki, manakala status sosioekonomi pelajar tidak mempengaruhi komitmen belajar pelajar. Dapatan kajian mendapati hubungan guru dan pelajar merupakan faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar pelajar.

Sikap pelajar terhadap guru mata pelajaran atau subjek yang diambil akan mempengaruhi minat serta usaha ke arah kejayaan akademik seseorang pelajar (Suradi Salim, 1987). Pelajar kebanyakan mempunyai minat untuk belajar sekiranya guru memainkan peranan yang penting dalam sesebuah kelas. Guru yang bijak dalam melaksanakan aktiviti di dalam kelas dengan menyediakan kaedah-kaedah yang sesuai merupakan seorang guru yang bagus dalam proses meningkatkan minat pelajar itu sendiri. Sikap negatif pelajar terhadap sekolah dan guru boleh melemahkan minat dan motivasi mereka belajar dalam subjek yang diajar oleh guru

tersebut. Foo Siet Chooi (1988) menyatakan dengan adanya minat, usaha dan semangat yang tinggi untuk belajar, pencapaian belajar akan bertambah. Oleh itu, didapati bahawa minat, semangat serta usaha untuk belajar adalah penting kerana aktiviti pengajaran yang baik tidak menjamin pencapaian yang baik bagi seseorang pelajar. Foo juga berpendapat bahawa minat merupakan faktor yang penting dalam menentukan pencapaian akademik berbanding dengan pengajaran guru. Hal ini demikian kerana wujudnya minat yang mendalam yang terdapat dalam diri seseorang pelajar terhadap pelajaran tertentu, ia akan mendorong untuk berusaha gigih untuk mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran tersebut.

Antara kajian lain yang boleh diperhatikan ialah kajian yang dijalankan oleh Siti Marlina Saabran (2005) yang telah menyatakan bahawa ramai pelajar yang pergi sekolah tetapi hakikat sebenarnya mereka tidak belajar. Kebiasaannya pelajar seperti ini dilabelkan sebagai pelajar yang bermasalah, mempunyai pencapaian yang rendah dan tidak mempunyai motivasi diri yang baik. Guru-guru juga telah meletakkan harapan yang rendah terhadap mereka dan menyebabkan mereka berasa rendah diri dan kemudian meningkatkan masalah disiplin di sekolah khususnya. Oleh itu, guru sebenarnya memainkan peranan yang sangat penting dalam proses P&P yang dijalankan di dalam kelas.

Tugas sebagai seorang guru pada realitinya adalah sangat penting dan menjadi faktor penentu dalam kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar. Kaedah pengajaran yang berkesan adalah perlu bagi menarik minat pelajar untuk belajar. Apabila timbulnya minat pelajar untuk belajar secara tidak langsung seorang guru itu sudah dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar di samping meningkatkan motivasi

dalam diri mereka. Contohnya dalam mata pelajaran Sejarah sememangnya guru perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha menarik minat pelajar. Hal ini kerana mata pelajaran Sejarah adalah salah satu subjek yang memerlukan pembacaan yang banyak. Kebanyakan pelajar tidak suka membaca kerana mudah bosan. Seperti yang sedia tahu mata pelajaran ini memerlukan penerangan yang jelas dan berkesan dari guru agar para pelajar dapat memahami fakta Sejarah yang disampaikan. Guru perlu menggunakan kaedah yang berkesan yang mampu menarik perhatian pelajar. Contohnya, guru boleh menggunakan teknik lakonan dan gaya penceritaan bagi memastikan pelajar tidak mudah mengantuk atau berasa bosan. Menurut Abd.Rahim (1989) kelemahan subjek Sejarah telah banyak diperkatakan di sekolah. Menurut beliau, kritikan-kritikan berkaitan kelemahan tersebut adalah berkait rapat dengan guru Sejarah itu sendiri. Pada umumnya, kajian dijalankan secara mendalam, kita akan mendapati bahawa ciri-ciri guru contohnya sikap dan sifatnya serta cara pengajaran oleh guru dapat mempengaruhi pembelajaran pelajar.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Tajul Ariffin (1990) ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak di samping membimbing mereka untuk mengamalkan cara belajar yang betul. Persekitaran rumah yang baik merupakan tempat pendidikan asas bermula atau berlaku. Ibu bapa menjadi rujukan penting kepada anak-anak semasa berada di rumah. Di samping itu, mereka juga berperanan dalam membentuk sikap yang positif dalam kalangan anak-anak mereka terhadap pendidikan.

METODOLOGI

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pendekatan yang digunakan ialah kualitatif secara kajian kes. Menurut Gay, Mills dan Airsian (2006) mengatakan matlamat utama pendekatan kualitatif ialah menyediakan pemahaman berkaitan persekitaran sosial dan aktiviti daripada perspektif subjek. Penyelidik menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual sebagai cara bagi mengumpul data dan proses triangulasi. Menurut Creswell (2005) menyatakan bahawa kebiasaanya kajian kualitatif memerlukan triangulasi agar dapat meningkatkan ketepatan kajian supaya kelemahan cara pertama dapat ditampung oleh kekuatan cara kedua (Gay et al, 2006).

Di samping itu, Creswell (2005) menyatakan kaedah pemerhatian mempunyai kelebihan dalam merekod maklumat sebenar terhadap situasi yang berlaku dalam persekitaran dan untuk mengkaji tingkah laku yang sebenar. Kaedah pemerhatian di dalam bilik darjah juga membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berbanding melalui pengakuan subjek semata-mata (Gay et al, 2006). Pemerhatian di dalam bilik darjah yang dilaksanakan dalam kajian ini membolehkan pengkaji melihat sendiri tingkah laku tertentu yang berlaku semasa pengajaran dan tingkah laku inilah yang akan dirujuk semasa temu bual bersama dengan pelajar. Melalui pemerhatian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah dapat mengenal pasti faktor-faktor pelajar hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran melalui apa yang diperhatikan oleh pengkaji. Menurut Merriam (1998) sebagai orang luar, individu yang memerhati akan dapat mengesan sesuatu yang menjadi rutin kepada subjek iaitu perkara yang boleh membawa kepada pemahaman konteks. Kaedah temu bual menyediakan peluang untuk pengkaji mendapatkan maklumat daripada subjek iaitu

pelajar sendiri (Stake, 1995). Dalam kajian ini, temu bual bersemuka digunakan, ia membolehkan pengkaji melakukan siasatan dengan teliti berkaitan maklum balas dengan lebih lanjut apabila pelajar membuat penjelasan. Malah, melalui temu bual, pengkaji akan mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada pelajar sendiri yang mungkin tidak dapat diperolehi daripada pemerhatian yang telah dijalankan sebelum ini.

Kaedah persampelan dalam kajian ini bermula dengan proses mengenal pasti pelajar-pelajar yang boleh memberikan kerjasama untuk memberikan maklumat berkenaan dengan faktor mereka hilang tumpuan dalam bilik darjah, kesan hilang tumpuan dalam bilik darjah dan strategi menangani hilang tumpuan dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, pengkaji telah memusatkan hanya kepada pelajar sekolah menengah sahaja kerana, melalui pengetahuan dan pengalaman yang ada, pelajar sekolah menengah lebih cenderung hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pengkaji telah memilih seramai 12 orang pelajar sekolah menengah di sebuah sekolah untuk dijadikan sebagai responden. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada pelajar wanita sahaja. Bagi tujuan kajian ini, sampel kajian atau pelajar ini telah dilabelkan sebagai P1 hingga P12. Pengkaji telah membuat temu bual bersemuka kepada semua pelajar secara bergilir-gilir. Dalam hal ini, pengkaji telah menerangkan tujuan kajian, mengemukakan soalan dan pertimbangan serta membincangkan isu-isu berkaitan tajuk.

Pengumpulan data bagi kajian ini dilanjutkan sehingga empat bulan. Secara purata, temu bual telah dilakukan dua kali bagi setiap orang pelajar. Semasa pemerhatian dijalankan, nota lapangan hasil pemerhatian direkod kerana nota lapangan adalah cara terbaik untuk mengumpul data dan

mendokumentasi apa-apa yang dilihat (Gay et al.,2006). Pengkaji bertindak sebagai pemerhati luar. Analisis data dilaksanakan secara mengesan kata kunci berkenaan faktor, kesan dan strategi menangani hilang tumpuan dalam bilik darjah. Pernyataan-pernyataan berulang juga dikesan untuk proses pengkodan. Proses mengumpul data dan mengekod data bagi tujuan deskripsi dan tema berlangsung secara serentak adakalanya secara timbal balik sepanjang proses kajian itu berlangsung. Transkrip yang telah dikod, akan dikumpul mengikut tema-tema tertentu dan analisis lanjut dilakukan.

Tiga persoalan utama yang telah digunakan untuk memperoleh data daripada sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah:

1. Apakah faktor yang menyebabkan pelajar hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bersama guru dalam bilik darjah?
2. Apakah kesan kepada pelajar apabila mereka hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah?
3. Bagaimanakah strategi menangani masalah pelajar hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah?

DAPATAN KAJIAN

Faktor – Faktor Hilang Tumpuan

Melalui kajian ini, didapati penglibatan pelajar di dalam kelas sangat tidak memberangsangkan kerana mereka tidak memberi tumpuan di dalam kelas. Mereka tidak dapat memfokuskan kepada P&P yang dijalankan untuk tempoh

yang lama. Menerusi temu bual yang telah diadakan bersama 12 orang pelajar sekolah ini, penyelidik mendapati faktor yang mempengaruhi pelajar untuk hilang tumpuan di dalam kelas ialah:

i) Sikap pelajar

Berdasarkan temuramah, sikap pelajar merupakan faktor penyebab mereka hilang tumpuan di dalam kelas. Ketika kerja rumah terlalu banyak dan nota yang tertangguh ingin dipungut oleh guru, kebanyakan mereka akan tidur lewat malam.

"...mengantuk dalam kelas sebab malam saya selalu tidur lambat. Malam saya online facebook, main game, chatting dengan kawan dan bersms dengan kawan, sebab tu saya ngantok dalam kelas..."

(Sumber P3)

Selain itu, sikap suka berangan dan tidak minat untuk belajar juga menjadi faktor pelajar hilang tumpuan. Pelajar akan terpinga-pinga semasa guru bertanyakan soalan.

"...saya dah tak minat untuk belajar sebab tu saya tak fokus. Malam saya keje cikgu, jual burger, lagi dapat duit. Kalau g sekolah mane dapat duit bosan. Sebab mak suruh jer baru saya g sekolah..."

(Sumber P2)

ii) Kurikulum (subjek tidak digemari)

Kurikulum yang tidak menarik minat pelajar menyebabkan mereka hilang tumpuan dan lebih suka menyendiri daripada mengambil bahagian ketika P&P dijalankan.

"...Dalam banyak- banyak subjek saya tak suka subjek Sejarah sebab bosan gile, sume bace dan hafal jer, baik saya buat je sendiri..."

(Sumber P5)

Hasil dapatan juga mendapati pelajar yang hilang tumpuan di dalam kelas adalah akibat daripada tidak bersedia sebelum P&P dijalankan. Pelajar tidak membaca topik yang akan disampaikan oleh guru menyebabkan mereka tidak faham akan apa yang di ajar oleh guru.

"...saya tak buat persediaan apa-apa pun sebelum masuk kelas. Nak study apa, nanti kawan-kawan ejek, baik saya ikut diorang sembang sebelum cikgu masuk kelas..."

(Sumber P7)

iii) Pengaruh kawan (gemar berborak)

Rakan sekelas yang duduk disebelah memainkan faktor penting dalam merangsang minda pelajar untuk terus kekal fokus terhadap pengajaran guru. Kajian menunjukkan bahawa rakan sebahal yang gemar tidur di dalam kelas mempengaruhi pelajar untuk tidur di dalam kelas.

"...kawan sebelah asyik tidur jer, asal lepas rehat mesti tidur. Tengok dia menguap pon buat saya nak tidur. Kalau bercakap cikgu marah baik saya tidur jer..."

(Sumber P10)

Pelajar yang gemar bercakap terutama pelajar di bahagian belakang menyebabkan penyampaian guru tidak sampai kerana keadaan yang bising. Akibatnya, pelajar hilang tumpuan dan membuat kerja sendiri.

"...kawan sebelah saya selalu bercakap, mulut dia pot pet xberhenti henti, selalu je ajak saya bersebang..."

(Sumber P5)

iv)Bahan bantu mengajar (tidak menggunakan BBM)

Kajian mendapati kebanyakan pelajar akan menjawab bahawa penggunaan bahan bantu mengajar sangat tidak menarik minat mereka untuk terus kekal fokus didalam kelas.

"...cikgu masuk kelas terus bukak buku teks, tak de guna bahan lain pun lebih lebih subjek Bahasa Melayu. Bosan jer sebab bahan bantu mengajar yang digunakan tak menarik..."

(Sumber P7)

Tetapi, kebanyakan guru tidak menggunakan kaedah mengajar yang menarik, terutama guru

senior lebih gemar menggunakan buku teks dan buku latihan sebagai bahan bantu mengajar.

"...cikgu asyik bercakap jer, xder pon latihan yang menarik, asyik wat nota pastu salin soalan, tu jer, ..."

(Sumber P2)

v)Gaya pengajaran guru (bersyarah tanpa henti)

Guru merupakan individu yang berpenampilan menarik dan perlu peka terhadap kelas semasa P&P.

"...cikgu A tu garang, da r selalu pakai tudung kaler lain baju kaler lain, tengok pon..."

(Sumber P5)

Sekiranya kaedah yang digunakan tidak sesuai untuk pelajar dan tidak dapat menarik perhatian pelajar untuk kekal fokus di dalam kelas, guru seharusnya menukarkan kaedah lain yang boleh diterima oleh pelajar. Hasil yang diperolehi daripada temu ramah, pelajar menyatakan guru lebih gemar bersyarah di dalam kelas menyebabkan mereka bosan.

"...guru asyik membebel ketika P&P. Asal masuk kelas cikgu mesti bebel, ada jer xkena, kelas kotorla, pelajar bisingla, bosan..."

(Sumber P4)

Perwatakan guru juga menjadi faktor dimana pelajar lebih memilih guru. Guru yang membosankan di mana menggunakan teknik yang sama, nada suara yang perlahan, tidak tegas dan guru yang terlalu serius semasa mengajar.

"...suara guru B tu slow sangat, dengar tak dengar jer apa dia cakap kat depan.."

(Sumber P6)

Guru sendiri tidak bersedia untuk P&P menyebabkan pelajar tidak tertarik terhadap P&P seterusnya hilang tumpuan dan membuat bising.

"...cikgu A asyik bagi nota jer pastu suruh kiteorang buat keje sendiri..."

(Sumber P8)

vi)Persekitaran (kelas bising, kotor, kedudukan di belakang)

Didapati, P&P selepas waktu rehat dan sebelum sesi persekolahan berakhir lebih cenderung membuatkan pelajar hilang tumpuan di dalam kelas. Pelajar yang sudah makan sewaktu sesi rehat akan kekenyangan dan mudah menjadi malas dan mengantuk semasa P&P dijalankan.

"...biasanya lepas waktu rehat saya akan makan nasi lemak, pastu mula la mata mengantuk..."

(Sumber P8)

Keadaan kelas yang kotor, bising dan panas menjadi faktor utama pelajar hilang tumpuan.

"...budak kelas suka buat bising lebih-lebih lagi lepas waktu PJK dan waktu rehat. Macam ane nak tumpu perhatian..."

(Sumber P7)

"...pelajar yang ramai (tidak kondusif) dan waktu P&P yang lama terutama jadual anjal. memang tak boleh r belajar jer direct bosanla.. nak jugak rehat.. cikgu asyik suruh wat latihan jer.lama-lama bosanla..."

(Sumber P9)

Kawalan kelas yang tidak sistematik di mana guru tidak mampu mengawal kelas menyebabkan pelajar terus hilang tumpuan dan membuat aktiviti sendiri.

"...budak laki suka buat bising, cikgu tidak marah pon.. kalau marah pon budak – budak ni tak makan saman, diam kejap pastu bising..."

(Sumber P12)

Kesan Hilang Tumpuan

Pelajar tidak menumpukan perhatian di dalam kelas sewaktu P&P sedang berjalan amat memberi kesan yang serius kepada guru dan pelajar itu sendiri dan kesan ini dikategorikan kepada empat aspek :

-
- i. Hasil kajian menunjukkan kesan hilang tumpuan adalah prestasi pelajaran merosot. Kurang memahami pelajaran yang diajar menyebabkan pelajar tidak dapat menjawab peperiksaan atau ujian dengan baik. Keputusan ujian juga tidak memuaskan serta gagal dalam pelajaran.

"...markah sejarah saya selalu rendah.saya tak boleh jawab soalan esei. keputusan peperiksaan menurun..."

(Sumber P3)

- ii. Kajian mendapati apabila pelajar tidak fokus dalam P&P, pelajar akan ketinggalan. Segala pengetahuan yang disampaikan oleh guru tidak diendahkan serta tidak mencatat info menyebabkan pelajar tidak mengetahui isi kandungan pelajaran. Apabila diajukan soalan pelajar akan terpinga-pinga kerana tidak memahami isi kandungan yang disampaikan oleh guru sewaktu proses P&P dijalankan.

"...saya suke berangan dalam kelas, apa yang cikgu cakap kat depan saya tak amek port pun. Saya selalu ketinggalan dalam pelajaran. Bile cikgu bagi latihan saya selalu tak boleh buat.."

(Sumber P1)

- iii. Kebanyakan sampel menyatakan bahawa akibat daripada tidak tumpu dalam kelas sewaktu proses P&P, guru mendenda pelajar kerana tidak dapat menjawab soalan yang diajukan. Pelajar juga akan dimarahi kerana tidak menumpukan perhatian sepenuhnya sewaktu P&P dijalankan.
-

” ...saya suke termenung dalam kelas, kalau cikgu taya soalan saya selalu xnak jawab, sebenarnya saya tak tahu nak jawab apa. Pastu cikgu marah dan denda...”

(Sumber P6)

- iv. Sampel kajian menggunakan perkata seperti *”...takut nak jawab exam sebab tak studi dan tak faham isi kandungan...”* (Sumber P2) untuk menjelaskan perasaan menyesal yang berkaitan dengan tidak menumpukan perhatian di dalam kelas sewaktu guru mengajar di hadapan. Justeru, sampel kajian mengatakan bahawa mereka mengalami perasaan takut untuk menduduki peperiksaan yang membawa kepada keputusan yang tidak memuaskan serta takut kepada kegagalan.

STRATEGI MENANGANI PELAJAR HILANG TUMPUAN DALAM KELAS

Kajian ini telah menghuraikan dapatan berhubung faktor yang menyebabkan pelajar hilang tumpuan semasa P&P berlangsung serta menjelaskan kesannya terhadap pelajar dari aspek pendidikan. Pola penerangan dapat dilihat dalam kajian yang pernah dilakukan oleh Namie dan Namie (2000). Antara strategi yang boleh diambil untuk menangani masalah KURANG tumpuan dalam kelas ialah:

Dapatan juga menunjukkan bahawa faktor yang menyebab pelajar hilang tumpuan adalah daripada proses P&P yang membosankan. Menurut Amir Hasan (2009), dalam

sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Maka, pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan perlu disokong (dengan menggunakan bahan bantu mengajar) bagi merangsang perkembangan potensi individu ketahap yang maksimum. Pelajar menggunakan pernyataan:-

”...mempelbagaikan teknik mengajar dan menggunakan alat sokongan (bahan bantu mengajar) yang menarik. Baru boleh fokus dan berminat untuk belajar...”

Kenyataan ini selari dengan prinsip yang dikemukakan oleh Suppiah, Ramlah dan Abdul Aziz (2008) mengatakan bahawa guru harus mengaplikasikan pengetahuan Psikologi Pendidikan semasa proses P&P. Seorang guru harus memahami tingkah laku pelajar dengan lebih mendalam seperti tingkah laku yang sukakan perhatian guru, suka memencil diri, tingkah laku pelajar pintar, dan pelajar yang bermasalah dalam pelajaran kerana kesannya memberi impak yang besar terhadap prestasi pelajaran pelajar,

“...mempelbagaikan teknik mengajar...”

(Sumber P3)

Dari segi teori, dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar tidak gemarkan dendaan yang dikenakan terhadap mereka. Peneguhan negatif seperti dendaan menyebabkan pelajar tidak selesa. Menurut B.F. Skinner, 1953 dalam Woolfolk (1979), seorang guru perlu berhati-hati apabila memberikan peneguhan negatif kepada pelajar kerana ia mungkin dianggap sebagai hukuman. Pelajar akan merasa rendah diri apabila di hukam lalu menyebabkan pelajar tidak suka untuk belajar. Berdasarkan teori motivasi yang dikemukakan oleh Sternberg (2001), motivasi bererti dorongan atau keperluan yang memimpin kepada sesuatu tindakan. Motivasi juga melibatkan sesuatu proses memberi kuasa dan arahan yang menggerakkan tingkah laku seseorang.

“...cikgu selalu denda bila tak boleh jawab soalan.

Malu r kita da besar kena denda lagi padahal cikgu tu ajar xfaham. Lainlah kalau cikgu bagi ganjaran nak jugak belajar betul betul...”

(Sumber P8)

Hasil daripada kajian ini, didapati pandangan pelajar terhadap hilang tumpuan dalam kelas sangat dipengaruhi oleh cara penyampaian dan kawalan guru di dalam kelas. Menurut Shulman (1987), seorang guru harus mempunyai teras pengetahuan mengajar yang bermaksud segala jenis pengetahuan yang perlu ada pada seseorang guru untuk mengajar dengan berkesan dalam bidang pelajarannya di sekolah. Salah satu teras pengetahuan mengajar ialah ilmu

konten iaitu pengetahuan tentang kandungan subjek bidang yang hendak di ajar.

“...Cikgu kena r tegas. Kalau budak laki wat bising cikgu marahla jangan biar jer.. kiteorang nak blaja jugak...”

(Sumber P1)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah menjelaskan dapatan kajian berkaitan pelajar sekolah menengah yang kurang memberi tumpuan di dalam kelas. Beberapa aspek diberi tumpuan seperti faktor-faktor yang menyebabkan kurang tumpuan, kesan kurang tumpuan dan strategi menangani kurang tumpuan.

Melalui kajian ini, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan kurang tumpuan dalam kelas dalam kalangan pelajar. Antara faktor yang mempengaruhi kurang tumpuan ialah sikap pelajar, kurikulum (subjek tidak digemari), pengaruh kawan (gemar berborak), bahan bantu mengajar (tidak menggunakan BBM), gaya pengajaran guru (bersyarah tanpa henti) dan persekitaran (kelas bising, kotor, kedudukan di belakang). Dapatan ini diperolehi melalui temubual dengan pelajar seramai 12 orang. Dapatan ini membuktikan bahawa guru perlu lebih bersedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana sebahagian besar faktor penyumbang berlaku kurang tumpuan disebabkan oleh guru. Kajian Baharin et al (2006) pula mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya lebih kuat dalam mempengaruhi cara mereka belajar. Ini mungkin disebabkan oleh kerana mereka lebih mudah untuk berbincang dan kerap bertemu pada bila-bila masa.

Selain itu, kesan kurang tumpuan yang nyata diperolehi ialah keputusan peperiksaan menurun. Kajian ini membuktikan bahawa keputusan peperiksaan pelajar menurun disebabkan hilang tumpuan dalam kelas. Pelajar tidak memberikan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kesan kurang tumpuan ini memberi impak yang besar dalam kalangan pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran dilihat tidak berjalan dengan lancar. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan cara mengatasi perlu diberi perhatian.

Antara strategi menangani yang berkesan dilaksanakan ialah guru perlu menggunakan pelbagai teknik mengajar. Teknik mengajar ini akan membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sulaiman (1997) terdapat pelbagai cara guru menarik minat pelajar ketika proses pengajaran serta pembelajaran dalam kelas, salah satu daripadanya ialah menggunakan alat bantu mengajar yang menarik. Penggunaan alat bantu mengajar seperti carta, gambar, dan graf dapat menjelaskan lagi sesuatu konsep yang disampaikan oleh guru. Guru perlu menggunakan beberapa pendekatan dan kaedah bagi menarik perhatian pelajar dalam menguasai pelajaran yang diajar. Guru yang berfikir positif sebenarnya boleh menyediakan peluang pembelajaran dengan mengambil kira gaya pembelajaran yang disarankan oleh Dunn, R. dan Dunn, K. dan Kolb dan McCarthy. Daripada kajiannya yang bertajuk "Survey of Research on Learning Styles" yang dimuat dalam jurnal *Educational Leadership*, Mac 1989, Rita Dunn telah membuktikan bahawa murid yang berjaya belajar dengan lebih berkesan serta berupaya mengekalkan apa yang dipelajari dengan lebih lama lagi apabila murid tersebut diajar berdasarkan kekuatan pengamatan dan suasana pengajaran yang mengambil kira cara-cara dan gaya murid-murid belajar.

Selain itu, strategi menangani yang banyak diutarakan dalam kajian ini ialah bentuk sikap tegas dalam kalangan pelajar. Guru perlu mengamalkan sikap yang lebih tegas dalam mengurus pelajar dalam kelas. Sikap ini memberi gambaran kepada pelajar tentang kepentingan mematuhi dan mengikuti arahan guru. Strategi yang dicadangkan juga melibatkan sebahagian besar guru yang perlu memainkan peranan.

IMPLIKASI KEPADA KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini adalah antara usaha peringkat awal dalam mengesan faktor yang mempengaruhi kurang tumpuan dalam kelas dalam kalangan pelajar. Namun demikian, kurang tumpuan dalam kelas ini disebabkan oleh beberapa faktor. Penilaian terhadap faktor tersebut boleh mengubah tingkah laku guru dalam melaksanakan pengurusan kelas dengan lebih baik.

Seterusnya, kajian lanjutan harus difokuskan kepada perbezaan jantina, dan kaum. Selain itu, kurang tumpuan dalam kelas dalam kalangan pelajar juga harus dikaji latar belakang keluarga pelajar yang kurang tumpuan itu. Malah kurang tumpuan dalam kelas juga boleh dilihat dengan membuat perbandingan antara pelajar sekolah menengah dengan pelajar sekolah rendah. Dari segi sampel pula, kajian kurang tumpuan dalam kelas ini tidak hanya melibatkan pelajar perempuan sahaja tetapi perlu melibatkan jantina lelaki dalam mengetahui faktor yang mempengaruhi, kesan kurang tumpuan dan strategi menanganinya.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, guru perlu memahami pelajarinya dengan baik. Guru merupakan penyumbang terbesar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Prestasi pelajar dilihat pada keberkesanan dalam pengajaran di kelas. Faktor penyebab berlakunya kurang tumpuan dalam kelas perlu diatasi segera. Guru perlu lebih mengutamakan keberkesanan pengajarannya dengan mengurangkan faktor penyebab kurang tumpuan dalam kelas.

Sehubungan itu, guru dilihat memainkan peranan penting dalam mengatasi kurang tumpuan dalam kelas dalam kalangan pelajar. Peranan guru ini membantu sekolah dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. Guru juga perlu menggunakan pengetahuan pedagoginya dengan baik agar proses pengajaran dan pembelajaran sempurna.

BIBLIOGRAFI

Amir Hassan Dawi (2009), *Sekolah dan Masyarakat*. Quantum Books, Tanjong Malim

Abd Karim Desa (1994), “Keberkesanan Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.” Tesis (B.Ed.). Universiti Teknologi Malaysia. Abd Karim Desa

Abd. Rahim Abd. Rashid. (1989). *Strategi Pengajaran Kbsm*. Petaling Jaya: Fajar Bakti

Abd. Rahim Selamat (1991), *Belajar cara Belajar*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise

Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal & Muzaffar

Zainal Abideen (2006). *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.

Chong Siew Hiong & Rusnani Abdul Kadir (2003), Pengetahuan Guru Bimbingan Sekolah Rendah Tentang Gangguan Hiperaktiviti Dan Kurang Daya Tumpuan (Adhd), *Jurnal*

Pendidikan, Universiti Malaya

Creswell, J.W. (2005), *Educational research, planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd Ed). New Jersey: Prentice Hall.

Dr. Amir Bin Salleh@ Mohd Salleh (2008), *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga,*

Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya

Foo Siet Chooi (1998). “ *Hubungan Antara Sikap, Jantina Dan Penguasaan Konsep Asas*

Matematik Dengan Pencapaian Dalam Matematik Moden Untuk Pelajar Jurusan Sastera. ” Thesis, UKM.

Gay, L.R., Mills, G.E & Airisan. (2006). *Educational Research : Competencies for analysis and applications* (8th Ed.).New Jersey: Person Prentice Hall.

Hassan Hj Mohd Ali (1996), *Strategi Belajar yang Berkesan*. Kuala Lumpur. Utusan Publication Distributors.

James, W. (1890). *Principle of Psychology*. New York: Holt.

Merriam, S.B. (1998), *Case study research in education: A qualitative approach*. California: SAGE Publications.

Naina Mohd. B. Md. Noor (1999), *Stail Pengajaran Guru Dan Gaya Pembelajaran Murid*, *Jurnal Pendidikan Tigaenf 1999/2000 Jilid 2: Bil. 3 50*, Jabatan Ilmu Pendidikan, Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah Darul Aman- Baharin Mesir, Sulaiman Ngah Razali, Dunn, R, Dunn, K, Kolb dan McCarthy

Namie, G., & Namie, R. (2000), *The bully at work : What you can do to stop the hurt and reclaim your dignity on the job*. Naperville IL: Sourcebooks.

Noor Salawati Abu Bakar, *Kajian Tindakan*, Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme, Institut Perguruan Kent

Norashikin Binti Zainuddin Tan & Norhafidzah Binti Ab Rahaman (2011), *Kaedah "Main Peranan - Role Play" Dapat Meningkatkan Tahap Kefahaman Pelajar - Pelajar Semester Dua Diploma Keusahawanan(Den) Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Subjek Prinsip Pemasaran, Laporan Kajian Tindakan 2011*, Kolej Profesional Mara Bandar Melaka

Rohana Zubir (1980) "The History Teacher's Dilemma – Fact Or Fiction. " *Jurnal Masalah Pendidikan*. 9 (81): 87-93.

Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.

Shulman, L.S. (1987), *Knowledge and Feelings : Foundation of the new reform*. Howard Educational Review. 15(2) 4-14.

Stake, R.E. (1995). *The art of case study research perspectives in practice*. California: SAGE Publications.

Sulaiman Ngah Razali (1997). *Pedagogi teori dan praktikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suppiah Naciappan., Ramlah Jantan., & Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*, Oxford Fajar.


Suradi Salim (1987) “ *Tinjauan Sikap Dan Tabiat Belajar Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sembilan.* ” *Jurnal Pendidikan*. 11: 77-90. Suradi Salim

Sternberg, R.J. (1986), *Intelligence Applied* , Fort Worth, TX : Harcourt Brace

Tajul Ariffin N. (1990), *Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Tajul Ariffin.

Wiles, J and Bondi, J. (1998), *Curriculum Development: A guide to practice*(5th edition) New Jersey:Merrill.

Woolfolk ,A.E. (1979), *Educational Psychology*, 3rd · New Jersey: Prentice Hall Inc.



THE
Character Building
UNIVERSITY

